



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

TEKS UCAPAN

YB DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

SEMPENA
FESTIVAL KREATIF KL 2024

12 SEPTEMBER 2024

THE TOFFEE
KUALA LUMPUR

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفَ
الْمَرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

SALUTASI AKAN DISEDIAKAN

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, kita panjatkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama hadir pada hari ini dalam Festival Kreatif Kuala Lumpur 2024 di mana ini merupakan acara yang amat bermakna kerana bukan sahaja dalam kita meraikan kreativiti, bahkan dapat meningkatkan potensi Kuala Lumpur sebagai sebuah pusat kebudayaan global dalam konteks ekonomi kreatif yang semakin mendapat tempat dan berkembang pesat.

2. Festival ini adalah di antara usaha Kerajaan untuk menjadikan Kuala Lumpur bukan hanya sebagai sebuah bandar raya yang membangun dan moden tetapi juga mengutamakan aspek budaya dan seni Acara seperti ini bakal mengangkat Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar yang bukan sahaja berdaya saing, tetapi kaya dengan kehidupan rakyat yang penuh dengan kreativiti dan inovasi.

3. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada pihak ThinkCity dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur atas pengajuran festival ini kerana ia adalah antara platform yang baik untuk kita mempamerkan keindahan seni dan budaya selain sebagai langkah yang penting untuk memperkuuh diplomasi budaya atau *cultural diplomacy* dalam mengeratkan hubungan antara komuniti, baik di peringkat nasional mahupun peringkat antarabangsa.

4. Festival seperti ini pentingnya menjadi ruang untuk menyatukan para penggiat seni, penghibur, dan inovator, yang dapat berperanan dalam mempromosikan Kuala Lumpur sebagai pusat kreativiti antarabangsa, apatah lagi menjelang Tahun Kepengerusian ASEAN pada tahun hadapan bermula Oktober 2025.

FESTIVAL KREATIF KL PLATFORM TAMPILKAN BAKAT ANTARABANGSA DAN TEMPATAN

Para hadirin sekalian,

5. Festival Kreatif Kuala Lumpur ini merupakan platform yang amat sesuai untuk menonjolkan bakat-bakat besar, bukan sahaja dari kalangan anak tempatan, malah juga dari luar negara. Dengan lebih 100 acara yang telah dirancang sepanjang tiga bulan festival ini, saya melihat potensi interaksi antara pelbagai penggiat seni akan mencetuskan idea-idea baharu dan memperkayakan lagi landskap kreatif di bandar raya Kuala Lumpur ini.

6. Saya juga dimaklumkan bahawa festival ini bukan sekadar pameran seni, tetapi turut menyediakan ruang untuk para penggiat kreatif berkongsi idea dan hasil karya mereka dengan masyarakat. Ini adalah peluang yang baik untuk mereka mengembangkan kreativiti sambil memperkuuhkan hubungan sosial dan budaya antara satu sama lain.
7. Festival ini memberi inspirasi kepada generasi muda untuk menceburi industri kreatif, dan saya yakin mereka akan membawa kreativiti mereka ini ke peringkat global. Dengan ruang yang terbuka luas, inilah peluang mereka untuk membantu menjadikan Kuala

Lumpur sebagai hab budaya bertaraf antarabangsa.

8. Kepada anak-anak muda yang ada di sini, kreativiti anda adalah kunci kepada masa depan negara. Dalam setiap idea, ada potensi untuk mengubah dunia. Festival ini adalah pentas yang tepat. Gunakanlah ruang ini untuk menjadikan impian tersebut sebagai satu realiti dan bawa nama Malaysia ke seluruh dunia.

ASPIRASI EKONOMI MADANI DAN PERANAN EKONOMI KREATIF DALAM PEMBANGUNAN MALAYSIA

Para hadirin sekalian,

9. Festival ini adalah seiring dengan aspirasi Rangka Kerja Ekonomi MADANI, yang menekankan aspek kelestarian, pertumbuhan inklusif, dan pembangunan progresif. Kreativiti yang diraikan dalam festival ini menjadi bukti bahawa seni dan kelestarian dapat bergabung dalam membentuk sebuah bandar raya yang mampan dan berdaya saing.

10. Ekonomi kreatif juga memainkan peranan yang signifikan dalam pertumbuhan negara, dengan menyumbang sekitar RM29 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK Malaysia. Penganjuran festival seperti ini memperkuat lagi kedudukan Kuala Lumpur sebagai pusat kreatif global, di mana kreativiti ini dapat memacu pembangunan ekonomi dan juga dalam masa yang sama dapat memelihara warisan budaya dan alam sekitar.

11. Menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026, sasaran Malaysia adalah untuk menarik seramai 35.6 juta pelancong dengan jangkaan pendapatan pelancongan sebanyak RM147.1 bilion. Namun, matlamat utama kita adalah memastikan pertumbuhan ini dicapai dengan mampan, di mana manfaat ekonomi disertai dengan komitmen teguh terhadap pemeliharaan warisan budaya dan kelestarian alam semula jadi.

12. Bayangkan sebuah bandar di mana seni tidak hanya dipamerkan di galeri, tetapi di setiap sudut jalanan; di mana inovasi teknologi bukan hanya memenuhi keperluan moden, tetapi juga menjaga keindahan dan warisan. Kuala Lumpur, melalui festival ini, menunjukkan bagaimana seni dan kelestarian dapat bersatu untuk membentuk bandar raya yang lebih mampan dan berdaya saing.

PERANAN KREATIVITI DAN INOVASI MELALUI KLCCD

Para hadirin sekalian,

13. Kreativiti bukan sahaja memberi kesan kepada sektor seni, tetapi turut memainkan peranan yang penting dalam pembangunan sesebuah bandar yang lestari. Di Kuala Lumpur, kita sedang berusaha untuk menyatukan kreativiti dan inovasi melalui inisiatif *Kuala Lumpur Creative and Cultural District* (KLCCD), yang bertujuan untuk memelihara kawasan warisan sambil menerapkan amalan pembangunan hijau.

14. KLCCD ini akan menjadi pemangkin utama dalam menghidupkan semula kawasan-kawasan bersejarah sambil mengekalkan identiti budaya tempatan. Ini akan memberi peluang kepada pengunjung untuk menikmati pengalaman budaya yang autentik ketika mereka melawat Kuala Lumpur.

15. Saya yakin bahawa dengan inisiatif seperti KLCCD, kita dapat mengukuhkan lagi kedudukan Kuala Lumpur sebagai bandar raya yang kaya dengan budaya serta mampan dari segi pembangunan dan kelestarian alam sekitar. Ini juga membantu kita menjadikan Kuala Lumpur sebagai contoh bandar raya kreatif yang lestari di rantau ini.

REVITALISASI RUANG BANDAR BERSEJARAH DAN BANDAR CHASE

Para hadirin sekalian,

16. Salah satu matlamat utama festival ini adalah untuk merevitalisasi kawasan-kawasan bandar yang memiliki nilai sejarah dan budaya. Melalui perancangan bandar yang mampan, kita dapat menghidupkan kembali kawasan-kawasan ini sebagai pusat budaya yang meriah dan mesra alam atau *eco-friendly*.

17. Kawasan seperti Presint Sivik, Presint Peruncitan Tradisional, Presint Segi Tiga Warisan, Presint Petaling Street, dan Kawasan Merdeka 118 adalah antara contoh terbaik bagaimana kita boleh memberi nafas baharu kepada kawasan-kawasan lama ini, sambil mengekalkan keunikan budaya yang menjadi identiti kawasan tersebut. Inisiatif ini selaras dengan visi Bandar CHASE yang saya perkenalkan awal tahun lalu dan sedang diterapkan di Wilayah Persekutuan ketika ini.

18. Ini adalah manifestasi komitmen Kerajaan terhadap inovasi yang menyokong kelestarian alam sekitar, pembangunan hijau, serta pemeliharaan warisan budaya. Ia adalah satu langkah penting bagi memastikan Kuala Lumpur dapat terus berkembang dengan harmoni tanpa mengorbankan nilai-nilai sejarah yang telah membentuk identitinya.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

19. Saya percaya bahawa festival seperti ini memberi manfaat besar bukan sahaja kepada para penggiat kreatif tetapi juga kepada seluruh rakyat Malaysia, khususnya di Kuala Lumpur. Ia berperanan sebagai inspirasi kepada generasi muda kita yang berminat untuk terlibat dalam industri kreatif yang semakin berkembang.

20. Kuala Lumpur ini bukan sahaja sebuah bandar raya, tetapi juga merupakan pentas di mana idea-idea kreatif dapat berkembang dan memberi impak besar kepada kehidupan kita semua. Kreativiti ini adalah kunci kepada penyelesaian inovatif terhadap cabaran-cabaran masa depan yang kita hadapi.

21. Dengan festival ini, kita mengorak langkah ke arah masa depan yang lebih hijau dan berdaya tahan. Setiap inovasi, langkah kecil, dan idea kreatif membawa kita lebih dekat kepada matlamat kita untuk menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya yang maju dan mampan.

22. Dengan lafaz

Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Festival Kreatif Kuala Lumpur 2024.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.